

Majlis Pengkisahan Sejarah Siri ke 6

Sejarah perlombongan Bijih Besi di Bukit Besi, Dungun, Terengganu Dirasmikan oleh Y.A.B Menteri Besar Terengganu Anjuran Bersama Jawatankuasa Koleksi Terengganu, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, Arkib Negara dan Ketengah pada 1 Julai 1995.

Pengerusi Majlis (1)

Agensi persatuan pekerja-pekerja lombong Syarikat Asili Bukit Besi sehingga dalam tahun 1976. sekarang ini beliau bertugas sebagai kontraktor dan menetap iaitu di Lot 3366 Padang Dalam Bukit Besi. Yang saya cuba highlight di sini beliau yang dilahirkan di Jertih tetapi sanggup untuk tinggal menerus di Bukit Besi dengan penglibatan dalam industri besi ini sehingga beliau terus iaitu penumpuan bikin hal mengenai pekerja-pekerja yang terlibat dengan satu syarikat besar iaitu Emco. Diantara syarikat yang terlibat dalam bijih besi yang bekerja dengan syarikat asli bijih besi. Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan.

Encik Taib bin Said (Tokoh 1)

Assalamualaikum w.b.t. Yang berusaha pengerusi majlis, seluruh warga dewan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah. Kita seolah-olah sedang menonton satu drama pentas. Sebenarnya kita sedang mengikuti satu cerita sejarah perlombongan bijih besi yang mana sebentar tadi kita telah mendengar daripada panel kita. Daripada yang pertama, yang kedua, yang ketiga. Sejarah perlombongan, sejarah kerja-kerja yang dikendalikan oleh pihak keretapi yang terdiri daripada cara-cara penubuhan pekerja dengan majikan. Kita telah pun mendengar dan di dalam cerita ini saya rasa punyai satu cerita yang mana di dalam cerita ini ada empat ada empat pelakon atau empat tokoh yang menyampaikan. Saya ini tokoh yang keempat dan saya anggap saya tokoh yang kecil.

Sekarang saya cuba menceritakan sedikit yang mana sebenarnya Bukit Besi terkenal kerana ada perlombongan bijih besi dan ada perlombongan, nama Bukit Besi terkenal di seluruh negara bahkan di peringkat antarabangsa. Bukit Besi ataupun nama Bukit Besi lebih terkenal daripada nama dan kategori itu sendiri. Nama Bukit Besi lebih terkenal daripada nama negeri Terengganu di peringkat antarabangsa. Sebenarnya saya datang ke Bukit Besi pada masa itu bermula pada tahun 1956. Pada masa itu saya berumur 18 tahun. Saya terus datang ke pejabat Emco untuk minta kerja dan saya diterima bekerja. Dihantar bekerja di bahagian Terengganu mineral dengan gaji RM3.75. Oleh kerana saya pada masa itu umur masih muda sikit dan diberi kesihatan sihat sikitlah dan tempat saya bekerja adalah di Seri Bangun yang mana pada masa itu bukan semua orang Bukit Besi kenal Seri Bangun. Seri bangun adalah satu kemuncak bukit yang ada sekarang yang mana ketinggian tempat saya kerja adalah 1200. Saya

paling tinggi sekali terletak tempat bekerja pada masa tahun 1956. Saya paling tinggi sekali duduk. Kerja saya menjaga corperation enjin angin yang mana pada waktu itu pada tahun 1956. Ia tidak dibuka secara terbuka. Cuma colum dan tempat itu juga ada colum Jepun yang berukuran saiz 4kaki x 4kaki dan pada masa itu juga adalah perkara-perkara yang tahyul yang ganjil berlaku. Saya rasa saya tidak perlu bercerita di sini. Jika perlu, saya ceritakan sedikit. Itupun kalau tuan pengerusi benarkan.

Pada masa itu saya juga di 1200 di tempat yang paling tinggi sekali. Saya duduk jaga kerja yang mana semua orang bekerja di bawah. Di sana ada satu seketul batu yang amat besar. Saya ingat lebih besar lebih kurang tiga kali dewan besar di permukaan lombong. Lombong itu lombong Jepun. Sekarang saya pernah tengok beberapa rombongan Jepun yang datang pada masa itu. Dia sering memuja-muja di kawasan batu tersebut. Batu itu ada saya rasa pada saya anggap ada satu kuasa magnet yang mana bila kita baling batu yang lain yang berukuran besar lebih kurang lebih kurang besar (tokoh menunjukkan kedua-dua belah tangannya). Batu itu baling yang besar dia melekat atas batu itu. Sebab itu saya rasa ada kuasa magnet. Jepun pada masa itu selalu sembahyang di kawasan itu. Tetapi jika lombong dibuka secara terbuka, orang putih semua naik. Semua pecah batu itu. Itulah ceritanya dan satu lagi cerita yang agak tahyul juga tapi ini benar-benar berlaku yang mana di puncak Seri Bangun terutama pada waktu malam pernah saya melihat. Bukan saya seorang sahaja bahkan ramai pekerja-pekerja melihat peratusan bukit-bukit dibaling ke bawah. Itu pada waktu malam. Bulan terang. Semua orang tengok. Berhenti aje kalau nak tengok. Selepas itu lebih kurang 10 minit kita ramai-ramai pergi tengok tidak ada apa-apa pun. Tetapi kita boleh tengok pada waktu itu. Itu perkara ganjil.

Pada masa itu tahun 1956. Keadaan bekerja pada masa itu saya bekerja bermula RM3.75. Walaupun pendapatan bermula RM3.75, makan minum agak mewah pada masa itu kerana barang-barang terlalu murah. Kalau kita pergi ke kantin, kita ada beberapa kantin. Kantin melayu ada, kantin cina ada, kantin india ada. Selalu orang suka pergi makan di kantin india. Di kantin india, kalau kita makan nasi malaya atau nasi kampung, 60sen harga. Makan berapa banyak. 3 pinggan, 4 pinggan boleh makan. 60sen. Lauk tidak boleh tambah. Kuah boleh tambah. Barang murah. Buah-buahan pada masa itu memang banyak. Orang kampung daripada hulu ikut rakit mari masuk Bukit Besi jual. Durian kita boleh dapat dengan harga 3 biji seringgat atau kadang-kadang 4 biji seringgat dan begitu juga buah salak. Besar-besar. Pada masa itu ramai yang tak makan salak. Orang melayu jarang-jarang makan salak. Orang putih tak makan salak. Pada masa itu orang ramai. Saya rasa semua bangsa ada di Bukit Besi. Salak kita boleh dapat 4 biji 10sen yang besar-besar. Begitulah murahannya. Beras pada masa itu satu gantang satu RM1.20. Jadi, pendapatan yang sedikit itu kita boleh makan secara agak mewah jugalah. Memang seronok hidup dan kerja di Bukit Besi. Keadaan di Bukit Besi pada masa itu adalah bandar yang agak selesa. Pada saya memang selesa. Segi barang-barangnya yang tidak dapat dinilai nilai bandar walaupun di Kuala Terengganu sendiri tidak dapat itu barang. Tetapi kita

boleh dapat di Bukit Besi. Pada masa itu bermacam-macam jenis barang. Oleh kerana ramai bangsa di sini, maka barang lain diimport daripada luar. Memang banyak terdapat pada masa itu. Yang mana harga pun begitu murah juga. Tak dapat di Kuala Terengganu, daripada Bukit Besi ada. Keadaan pada masa itu awal tahun 60an. Segi pekerja di Bukit Besi memang seronok.

Hiburan, segi hiburan memang tak kurang juga pada tempat lain.

Kita sini ada 2 panggung wayang. Jadi, saya nak cerita tentang hiburan. Panggung wayang 2, yang mana 1 panggung 1 minggu dua kali tengok free pahtu (selepas itu) tiket. Tiket kita tak berapa boleh tengok. Kita pergi panggung, bagitau berapa nombor kita. Angkat 5 keping, 10 keping. Cukup bulan potong gaji. Keadaan masa itu. Pekerja, penduduk pada masa itu dalam tahun pertengahan 60an. Saya jangka lebih kurang hampir 9000 dalam Bukit Besi. Padat. Berek-berek yang bujang tu di lorong. Yang diatas penuh. Di bawah ni bukan kawasan tempat duduk. Oleh kerana terlampau ramai, diubahsuai dibubuh katil, jadi untuk pekerja duduk di bawah. Penuh. Padat. Pada masa tahun 60an. Begitu ramai sekali dan pekerja masa itu macam-macam jenis kerja yang mana saya kerja di Seri Bangun bahagian bijih timah. Ini Emco juga. Tapi, bijih timah Terengganu mineral. Saya bekerja, saya lebih banyak melakukan kerja pada masa itu adalah sebagai daripada buruh biasa pergi kepada jawat hyper yang bergaji RM4.50. Tapi, RM4.50 pada masa itu mewah-mewah. Cukup bulan pun duit tak habis. Gaji RM4.50 dan seterusnya saya bahagian operator yang paling lama sekali. Bermacam-macam jenis mesin buat.

Dan percampuran pada masa itu dan pergaulan pada masa itu memang bagus sekali. Setiap mana-mana (seksyen, mana-mana department, pekerja kadang siang malam 24 jam sama aje. Tidak ada beza. Pagi, malam sama. Kita kerja terus 24 jam. Cuma apa yang kita boleh dengar mesin berhenti bekerja cuma hari raya. Hari raya haji, hari raya, hari raya puasa hari raya haji. 1 tahun, 2 hari saja cuti. Pahtu (selepas itu) jalan 24 jam. Kalau (kalau) kita keluar pukul 2 malam, 3 malam, kita akan berjumpa dengan ramai orang tengah jalan. Tidak ada beza siang malam. Cuma elektrik terus tiada had. Jadi, kadang-kadang kita kalau tidak ada bezalah malam siang. Sama aje. Terang. Terang benderang. Itu Bukit Besi pada masa itu. Pada masa kegemilangan tahun 60an. Banyaklah. Kemudian, kerja umpamanya kalau yang rocker selain daripada kerja di pejabat, yang diatas bukit, jangan bawa shower, rocker dan nama-nama yang paling hebat pada masa itu pekerja hok (yang) dia bawa rockerlah. Sebut rocker B memang hebat. Sebut operator B memang hebat. Pada masa itu gaji RM6.50. Mahal. Tapi, bila rocker B ni memang terkenal kerana apa, kalau orang lelaki nak kahwin pun kerana rocker B menjadi pilihan wanita. Memang hebat. Walaupun kerja bagai nak rak, gaji lebih mahal tapi rocker B yang timbul. Saya tak tahu kenapa. Sebut operator B, siap dan kita dan di stesen teksi Kuala Terengganu juga memang terkenal. Tidak ada pekerja tempat lain tidak ada datang teksi. Tapi, orang kerja Bukit Besi balik kampung pergi Kuala Terengganu datang teksi mari Bukit Besi. Datang. Itu menunjukkan kira-kira joli (enjoy) pada masa itu. Ni

joli (enjoy) sikit. Datang kereta mari 1 orang, satu teksi nak kerja. tempat lain memang tak ada. Jarang kalau ada.

Memang hebat. Suasana hidup memang bagus. Hari ini ada lagi. Tapi, keadaan pada masa itu tidak sama. Tapi, walaubagaimanapun saya rasa diseluruh di negeri Terengganu pun, saya ingat Bukit Besi yang paling hebat. Paling selesa di duduk. Yang mana kita duduk di berek percuma, api percuma, air percuma, boleh 24jam dan begitu juga keistimewaan kita bekerja. Kalau di hari raya pun, bila sampai di hari raya pihak syarikat Emco ada juga membuat pemindahan gaji (tidak kedengaran suara).

Bila menyambut hari kebangsaan pun saya ingat lebih hebat daripada tempat-tempat lain. Di Bukit Besi sambut hari merdeka sampai 1 minggu. Sambut hari kebangsaan. Peruntukan disediakan oleh pihak Emco. Semua mainan ada di Bukit Besi. Pergi Kelantan, mari sampai. Sangat hebat sambutan pada waktu itu. Boleh dikatakan pada masa itu sangat hebat. hari gaji. Hari gaji pada masa itu mungkin agak berlainan sikit dengan keadaan hari ini. Pekerja-pekerja hari ini bila terima gaji berbeza dengan pada masa itu. Pada masa itu bila hari terima gaji, mewah. Joli (enjoy) sajalah. Yang tak hisap-hisap rokok, tak pernah beli rokok beli. Boleh gaji joli (enjoy) dan juga menyentuh tentang berhubung perjudian. Juga ada terdapat walaupun dilarang kawasan komunis itu ketat peraturan. Bila berlaku perkara-perkara yang tidak menjadi peraturan juga, orang ini boleh dihalau keluar Bukit Besi ataupun boleh dibuang kerja. Tapi, segi perjudian tidak boleh dihapus terus. Kadang-kadang ia berlaku diatas keretapi.

Jadi, saya nak sentuh sikit, korang kata ini merupakan fakta sejarah yang disembunyikan yang berlaku pada masa itu, yang mula berlaku pada masa itu. Yang ni orang di Dungun, Hari Bukit Besi terima gaji. Ini bukan semua. Ada kekurangan. Terima gaji, petang ambil gaji, petang main judi. Kadang-kadang tak sampai seminggu lagi duit gaji dah habis. Jadi, antara yang balik rumah gaji tak nampak, wang habis. Semua yang berlaku di Bukit Besi. Itu yang berlaku demikian. Habis duit. Alasan balik rumah untuk memberi alasan supaya munasabah, kadang dia buang habis beg duit dengan kad pengenalan. Bila balik rumah, beg duit jatuh. Semua hilang. Tapi, kad pengenalan tu berjumpa balik. Kad pengenalan dah diterima, wang orang ambil habis. Ini pernah berlaku pada masa itu. Bukan semua yang melakukan semua ini. Inilah keadaan serba sedikit apa yang berlaku pada tahun 73. Saya, lombong Bukit Besi saya tutup dua. Yang tinggal lagi satu kawasan bijih timah dan kilang ni saya jual kepada syarikat dan saya terus bekerja dengan syarikat dan pada masa itu saya telah menubuh satu persatuan yang baru, iaitu bijih lombong, Terengganu mineral dan saya bekerja di kilang tersebut selama sehingga berakhir pada tahun 1976 yang mana 1976 tempoh perlombongan. Tempoh pajak tanah bagi syarikat telah berakhir dan saya telah dijemput. Saya dijemput pergi ke dewan negeri Terengganu yang mana untuk menjadi pengerusi menerangkan kepada saya yang lombong timah akan ditutup dan kerajaan akan mengambil alih. Kerajaan bersedia membuka kembali dan kawasan Bukit Besi perlu diambil alih kerana akan diserahkan kepada

satu badan iaitu Terengganu Tengah. Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah. Kalau sekiranya tidak diambil alih kemungkinan kawasan ini tidak akan dapat diserahkan kepada Terengganu Tengah. Kerajaan perlu mengambil alih. Kerajaan tidak memberi pajakan dan pihak kerajaan nak bawa sekarang supaya kita diminta memberi sokongan. Jadi, nak taknak saya perlu sokong. Tapi, oleh kerana beberapa sebab yang tak dapat dielakkan kemungkinan perundingan berjalan, pencapaian syarikat asli tidak dapat dilakukan dan saya tahu kerajaan telah memerintahkan perlu dikeluarkan dan beberapa usaha beberapa syarikat telah masuk yang mana kawasan lombong telah diserahkan untuk menguruskan syarikat hendak buka dan saya pernah juga terlibat dengan MSC buat kajian dari segi pentadbiran. Itulah serba ringkas saya ceritakan sedikit sebanyak berhubung dengan perlombongan bijih besi.

Yang mana pada saya ini merupa satu sejarah. Kepada umum, sejarah adalah penting diketahui. Melalui sejarah kita boleh menambahkan ilmu kita. Melalui sejarah umur kita panjang. Seolah-olah panjang bila kita tahu sejarah. Sebab cerita seribu tahun empat ratus, kita boleh tahu cerita. Semua cerita ni seolah-olah kita hidup pada masa itu. Ini penting kita tahu sejarah. Semua lapisan masyarakat patut tahu sejarah dan sejarah ni juga saya rasa boleh sedikit sebanyak boleh memandukan perubahan nasib kita masa itu. Kita baca sejarah itu, kita boleh tahu kenapa orang melayu mundur. Mungkin kerana malas dan untuk akhir saya menyarankan pihak kaji sejarah juga pihak kerajaan. Kita jangan setakat kaji sejarah saja untuk dipamerkan. Kita juga mesti buat kajian cara mana lombong bijih besi boleh dibuka kembali. Ini mesti membuat kajian sama. Biar ada imbalan. Kalau kita kaji sejarah dipamerkan maka biarlah imbalan cara mana lombong ini dikaji. Biar supaya lombong dibuka kembali. Itulah harapan kita penduduk Bukit Besi. Sekian, terima kasih.

Pengerusi Majlis (1)

Terima kasih kepada Encik Taib bin Said yang telah menceritakan maklumat sejarah pada hari ini. Sejarah perlombongan bijih besi melalui pengalaman beliau sendiri yang pernah terlibat sebagai tenaga pekerja seterusnya Syarikat Asili bijih besi yang turut memberi sumbangan kepada penghasilan bijih besi. Dimana beliau telah mengemukakan beberapa perkara yang penting dimana didapati dengan kesan penemuan bijih besi ini didapati Bandar Bukit Besi khususnya di Dungun telah menjadi perhatian bukan sahaja dalam konteks masyarakat kita, malah kemungkinan besar telah menjadi menarik perhatian antarabangsa kerana sudah semestinya didapati bahawa keretapi itu sebenarnya diimport daripada Jepun. Dengan gerabak dan sebagainya dan didapati ada unsur penglibatan warga asing di Bukit Besi dan hatta bijih besi itu akhirnya telah dieksport ke Jepun dan Jepun pada masa itu telah menguasai perkembangan ekonomi dan hal ini pelabur-pelabur seperti Jepun dan Eropah juga telah menguasai dalam sektor perkembangan ekonomi. Yang menarik perhatian di sini ialah sejarah telah membuktikan seperti yang dinyatakan oleh Tuan Haji, bahawa penerimaan masyarakat kita bersama bekerjasama dengan

tenaga warga asing dalam perkembangan sektor industri dan secara tak langsung mempunyai impact atau kesan perkembangan bandar Bukit Besi. Sehingga Bukit Besi pada masa itu Bukit Besi di Dungun ini telah menjadi tempat fokus kepada antarabangsa pada masa itu. Dengan penemuan bijih besi ini dan kita dapati penglibatan orang-orang kita dan sebagai pekerja sama ada sebagai buruh dan akhirnya diberi peluang untuk menjadikan hal penting dan ini telah memberi kesan sebagaimana yang digambarkan oleh Tuan Haji.

Saya sedikit memberi ulasan disini untuk menambahkan sedikit maklumat sehingga memberi kesan pada hal-hal yang berkaitan perkahwinan iaitu dinyatakan bahawa kalau mereka ni pernah bekerja sebagai orang penting. Bekerja di lombong Bukit Besi sebagai seorang yang berkaitan dengan besi ini sehingga merupakan menjadi tarikan kepada anak-anak gadis. Hatta bukan saja Bukit Besi malah daripada daerah-daerah yang lain. Jadi, ini saya rasa menjadi memberi kesan dari sudut institusi perkahwinan khususnya kekeluargaan pada masa itu dan juga digambarkan bahawa bagaimana pekerja-pekerja kita yang terlibat. Akhirnya bagaimana hari gaji. Suasana hari gaji dan sudah tentulah Bandar Bukit Besi pada masa itu menjadi saya rasa gilang-gemilang dan sebahagian daripada masyarakat dalam tahun 50an dan 60an itu sudah pun tersepit dalam industri khususnya dalam bijih besi dan akhir sekali beliau menyatakan bahawa oleh kerana bijih besi ini memang bahan terhad, sumber yang terhad dan akhirnya oleh kerana bahan ini kekurangan, maka melibatkan akhirnya sudah tentu ada permulaan dan juga ada akhirnya. Sudah tentulah bahan ini terhad dan akhirnya lombong bijih besi telah ditutup dan penutupan lombong disini sebagaimana yang dinyatakan oleh Tuan Haji tadi ada berkaitan sebagaimana dalam sejarah.

Saya minta maaf. Mungkin saya ingin menambah sedikit maklumat ini berdasarkan kajian seorang pensyarah Maktab Perguruan Pasir Panjang yang pernah buat kajian tentang hal perlombongan Bukit Besi ini. Beliau menyatakan bahawa ada beberapa faktor diantaranya mungkin kerana kekurangan bijih besi itu sendiri dan yang kedua bahawa syarikat Jepun yang hantar keretapi dan gerabak ini kerana syarikat ini dikatakan tidak dapat mempunyai, tidak dapat beroperasi di Jepun itu dalam konteks perkembangan ekonomi. Jadi, ini menyebabkan mereka itu meminta bijih besi daripada di Dungun ini agak terhad kerana syarikat besar di Jepun itu. Pada masa itu agak sukar dikatakan untuk mendapatkan hal-hal sumber ekonomi di Jepun sendiri dan dikatakan itu diantara punca-punca hal-hal yang berlaku. Tetapi saya percaya hari ini pun kita dapati perkembangan di Dungun khususnya yang berdekatan bijih besi didapati bersinar perkembangan ekonomi dalam sektor yang lain dan sebagainya. Saya rasa begitulah maklumat-maklumat sejarah yang telah dinyatakan oleh tokoh-tokoh yang diraikan oleh pihak penganjur khususnya dan insyaallah saya akan memberi peluang dan kita memang ada masa lagi yang diperuntukkan oleh pihak penganjur untuk menambahkan maklumat-maklumat sejarah khususnya untuk generasi baru. Iaitu saya akan beri peluang kepada tokoh-tokoh pengkisah iaitu lebih kurang insyaallah saya akan bagi masa 10 minit lagi untuk

menambahkan maklumat tambahan bagi maklumat hal yang berkaitan perlombongan bijih besi. Insyaallah dalam masa 10 minit dan saya juga akan memberi peluang kepada pihak audion iaitu atau mungkin sedikit kita boleh berbincang tokoh-tokoh pengkisah bagi melengkapkan objektif majlis sejarah-sejarah. Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan kepada tokoh-tokoh pengkisah. Saya beri peluang kepada empat-empat tokoh ini. Saya juga memberi peluang kepada audion-audion semua untuk mengemukakan apa-apa pertanyaan kepada tokoh-tokoh pengkisah. Kalau boleh kita kumpulkan soalan dulu. Insyaallah. Dipersilakan.

Penyoal ke-1

Assalamualaikum w.b.t. Saya Mohd Ramli bin Haji Noh dari pejabat kadi Dungun. Secara ringkas untuk saya ajukan beberapa soalan. Sebelum itu sebenarnya saya pernah mendengar nama Bukit Besi ni daripada saya masuk darjah dua 1974. Waktu itu guru saya terpaksa tinggalkan sekolah kerana nak pergi ambil saudaranya di Bukit Besi. Baru dengar nama Bukit Besi pada waktu itu. Soalan ni saya tujukan kepada Tuan Haji Wahab. Saya kira diantara tahun 1948 hingga 1960 kerajaan sebenarnya telah memperkenalkan zaman darurat di negara kita. Kalau boleh itu soalan saya. Cuma persoalannya bagaimana sebenarnya tentang ancaman komunis khususnya terhadap pengendalian operasi perlombongan dan pengendalian perjalanan keretapi itu sendiri di Bukit Besi. Adakah ancaman atau tidak pada waktu itu. Yang kedua, mungkin kepada mana-mana ahli panellah bagaimana sebenarnya kedudukan bidang kerja kaum wanita yang berada di persekitaran perlombongan Bukit Besi ini. Adakah mereka turut bekerja dalam kerja-kerja berat itu atau sebenarnya kerja-kerja yang lain. Yang ketiga, pada pengamatan sebab sebenarnya perlombongan bijih Bukit Besi ditutup berdasarkan pengamatan ahli